

13 MAR 2003

Najib-Khidmat

MAKLUMAT TERPERINCI KHIDMAT NEGARA MEI INI, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan membuat keputusan Mei ini mengenai cara-cara mengendalikan program Khidmat Negara, yang akan dilaksanakan awal tahun depan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata: "Cadangan-cadangan mengenai pengendalian Khidmat Negara masih dalam pertimbangan. Kita akan serahkan laporan terakhir kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan keputusan mengenainya dijangka dibuat Mei ini," katanya.

Beliau berkata adalah sukar untuk mengumumkan butiran terperinci program itu sebelum kerajaan membuat keputusan mengenainya.

"Kita tunggu keputusan muktamad nanti, tetapi saya hendak tegaskan di sini bahawa program ini akan tetap dilaksanakan tahun depan. Rang undang-undang mengenainya akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Jun ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kabinet mengenai program Khidmat Negara di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Najib berkata draf mengenai bentuk pengendalian program itu telah siap dan akan dibentangkan di peringkat kabinet bulan ini.

Ditanya mengenai perbincangan mesyuarat hari ini, beliau berkata jawatankuasa kabinet itu telah membincangkan prinsip Khidmat Negara, kumpulan sasar, kemudahan latihan dan soal perundangan.

"Ini bukan kerahan tenaga seperti negara-negara lain seperti Singapura tetapi ianya adalah satu program untuk memantapkan lagi pembangunan negara...latihan tentera hanya sebahagian kecil sahaja," katanya.

Bercakap mengenai perkara lain, Najib berkata kerajaan telah meluluskan kadar baru bagi bayaran insentif tentera, lebih dikenali sebagai elaun tentera bagi pegawai perubatan, pergigian, veterinar dan jurutera Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Elaun itu telah dinaikkan dari RM120 sebulan ke RM300 sebulan berkuatkuasa 1 Jan 2003. Ia telah diperkenalkan pada tahun 1961 dan tidak pernah dikaji semula.

"Pemberian elaun ini merupakan satu insentif untuk menggalakkan pegawai jurusan profesional ataupun iktisas untuk berkhidmat dalam ATM dan juga sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan pegawai ini kepada negara," kata Najib.

Beliau berkata seramai 363 pegawai akan mendapat manfaat daripada kenaikan elaun itu, yang akan menelan belanja sebanyak RM830,000 setahun.

-- BERNAMA

SR KHY RON